

# Peranan Pusat Kokurikulum Negeri

## lengkapi aspirasi falsafah pendidikan



MINDA PENDIDIK

Roslee Talip

Bersama Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Abdul Said  
Ambotang, Shukri Zain dan  
Muhanad Suhaimi Taat

UB 31.10.2012 B4

ASPIRASI pendidikan yang dihasratkan menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah ke arah pembentukan insan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pembentukan insan seimbang dengan acuan Malaysia merupakan satu landasan ke arah merealisasikan impian Wawasan 2020

dan dalam masa yang sama mampu melahirkan modal insan minda kelas pertama.

Elemen pembentukan sahsiah dalam pendidikan merupakan agenda besar dan mulai mendapat perhatian oleh pihak pembuat dasar pendidikan khususnya apabila senario keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja mulai hangat diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Semua pihak khasnya para pendidik telah mulai rancak mengatur strategi bagi menangani isu ini kerana golongan pelajar merupakan generasi pewaris kemakmuran negara. Suntikan elemen sahsiah dan kepimpinan dilihat amat berkesan dalam konteks pembangunan ummah pelajar itu sendiri.

Bidang keberhasilan pendidikan jika disoroti dengan lebih mendalam bukan hanya terhad pelaksanaannya terhadap pelajar semasa berada di bilik darjah, tetapi juga harus diperkembangkan di luar bilik darjah kerana elemen persekitaran amat berpengaruh dalam mewarnai watak dan perwatakan pelajar. Justeru itu, aspek-aspek yang berkaitan dengan kokurikulum perlu ditekankan dalam usaha memperkasakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran kepimpinan serta insaniah yang amat berguna khususnya apabila mereka mulai menjelaskan kaki keluar dari alam persekolahan.

Dalam lengkapi dan memacu aspirasi ini, peranan Pusat Kokurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah yang juga dikenali sebagai Kem Melangang, Kiulu merupakan satu wadah yang amat berkesan khususnya dalam usaha membentuk sahsiah dan keperibadian pelajar. Bahkan peranan Pusat Kokurikulum bukan sahaja terhad kepada aktiviti pelajar tetapi juga ke arah mempertingkatkan profesionalisme warga pendidik khususnya guru dalam pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran kokurikulum yang berkaitan dengan pendidikan luar. Peranan yang dimainkan oleh Pusat Kokurikulum juga tidak terhenti setakat itu tetapi juga mampu memperkasakan profesionalisme jurulatih dalam bidang kejurulatihan aktiviti luar yang berisiko tinggi.

Peranan yang disumbangkan oleh setiap tenaga pendidik yang bergelar jurulatih Pusat Kokurikulum terlalu besar dan tidak mampu dinilai dengan wang ringgit. Hal ini adalah kerana komitmen dan pengorbanan masa serta tenaga bahkan wang ringgit demi untuk memastikan setiap program atau aktiviti Pusat Kokurikulum yang direncanakan mampu direalisasikan serta berjalan lancar. Namun jauh lebih penting daripada itu adalah memastikan bahawa setiap program mampu membentuk sahsiah, perwatakan dan keterampilan anak bangsa.

Menyoroti setiap aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Kokurikulum pula, aspek keseimbangan dalam elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek begitu ditekankan dalam suatu prosedur kerja yang sistematis. Dalam masa yang sama juga aspek keselamatan amat dititikberatkan dalam aktiviti yang berisiko tinggi seperti aktiviti air, berbasikal, mendaki tembok tiruan dan kembara. Soal penghayatan terhadap kecintaan alam sekitar dan pembinaan kepimpinan adalah antara program yang mampu membentuk modal insan kelas pertama dalam meneruskan kelestarian dan kesinambungan kepimpinan negara pada masa akan datang.

Peranan Pusat Kokurikulum dalam konteks ini cukup bermakna apabila membicarakan soal kemenjadian dan pembentukan jati diri dalam kalangan pelajar sekolah serta bakal pendidik serta warga pendidikan khususnya di Sabah. Sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada para jurulatih Pusat Kokurikulum oleh pentadbir sekolah dan pihak ibu bapa akan memberikan ruang dan peluang kepada mereka dalam membentuk jati diri dan keperibadian pelajar. Sebagai usaha susulan, pihak sekolah boleh melakukan pemantauan secara berterusan kepada para pelajar agar ilmu dan kemahiran yang diperolehi sewaktu mengikuti program Pusat Kokurikulum akan sentiasa segar dan akhirnya dapat dikongsikan serta dimanfaatkan bersama apabila berada di sekolah.

Sehubungan dengan itu, tugas guru sebagai pemangkin kecemerlangan kokurikulum dan kepimpinan pelajar amat relevan sekali dalam era globalisasi dan ICT kini. Dalam situasi guru masa kini diasak dengan pelbagai tuntutan ke arah kecemerlangan akademik maka tidak wajar peranan kokurikulum sebagai pelengkap kepada pembentukan jati diri bangsa Malaysia yang sejati diabaikan. Pusat Kokurikulum dalam konteks ini telah bertindak sedaya upaya yang termampu untuk menyeimbangkan keperluan perkembangan minda pelajar agar kkal mengamalkan nilai dan jati diri serta mengamalkan tatasusila mulia adab ketimuran yang kuat.

Jurulatih Pusat Kokurikulum di tengah-tengah kesibukan menjalankan tugas asasi merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran hingga ada sebahagian yang bersengkang mata menelaah pelajaran demi mengejar segulung ijazah untuk meningkatkan kerjaya di bidang perguruan amat komited terhadap amanah mewarnai wajah anak bangsa ke arah keseimbangan seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Begitulah tabahnya insan yang bergelar jurulatih Pusat Kokurikulum dalam memacu kecemerlangan pendidikan bukan sahaja di Sabah malahan di seluruh pelusuk negara. Ini tidak termasuk dengan pengorbanan masa dalam menjalankan aktiviti pengembangan bakat dan potensi pelajar melalui pengendalian kejohanan sukan dan karnival pendidikan luar di peringkat sekolah sehingga kebangsaan. Segalanya dilakukan demi ingin melihat modal insan yang dilahirkan seimbang dari segi ilmu, kemahiran dan sikap yang positif yang mampu melonjak kecemerlangan diri apabila keluar dari alam persekolahan kelak. Pengorbanan tersebut sesungguhnya menuntut komitmen masa, wang ringgit dan tenaga yang tidak ternilai di samping tidak memungkinkan tugas asasi mereka di bilik darjah.

Ketika berada di sekolah, mereka ibu dan bapa kepada anak-anak kita. Mengajar, mengendalikan aktiviti, membawa pelajar menyertai aktiviti kokurikulum peringkat sekolah, daerah dan negeri malah menghantar pelajar ke klinik apabila berhadapan dengan saat-saat kecemasan memperlihatkan jasa bakti insan bergelar guru serta jurulatih dalam kokurikulum. Begitulah sedikit sebanyak daripada rentetan cabaran para guru dan jurulatih kokurikulum di alaf baru. Adakalanya mereka mengeluh akibat pengorbanan yang sering disalah erti oleh pihak-pihak tertentu. Adakalanya juga mereka berdepan dengan risiko prasangka pihak tertentu. Justeru, sewajarnya masyarakat dan pihak pentadbir memberikan mereka sedikit ruang serta peluang dan dalam masa yang sama pihak-pihak berkepentingan membantu daripada aspek kewangan serta moral bagi membolehkan mereka membentuk sahsiah, ketahanan dan jati diri pelajar.

Namun demikian, walau apapun usaha Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran untuk memartabatkan profesion perguruan, individu insan gurulah perlu terlebih dahulu yang harus melonjakkan dirinya menuju ke arah kecemerlangan. Perancangan pengembangan diri dan kerjaya yang dirancang mengikut kemampuan mampu melonjakkan insan guru ke arah kecemerlangan dan kerjaya seterusnya membangun masyarakat menuju ke arah negara yang terbilang kerana 'kalau bukan kita siapa lagi'.

\* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial,

Universiti Malaysia Sabah.